



**PENGGUNA** pasti terjumpa dengan buku kegemaran mereka di pesta buku kali ke-31 yang diadakan di PWTC baru-baru ini.



**PEMBACA** novel kanak-kanak turut berpeluang berjumpa novelis mereka.



**DUA** pekerja Sarjana Media Sdn. Bhd. Mohd. Firdaus Othman (kanan) dan Masri Kassim menunjukkan naskah Mushaf Quran Tajwid bersaiz XXXL yang dijual pada harga RM450.

**M**EMBACA merupakan satu perkara yang memberi banyak manfaat dan kelebihan kepada mereka yang mengamalkannya. Ilmu yang diperoleh dengan membaca juga mampu membuatkan seseorang itu mampu menguasai dunia.

Namun masih ramai dalam kalangan kita yang menganggap membaca itu satu perkara yang membosankan.

Jika dahulu bahan bacaan hanya terhad kepada buku, akhbar dan bahan bercetak lain, kini ia boleh diperoleh secara talian di internet seperti laman web, blog, forum dan e-buku.

Dengan membaca, anda akan melakukan satu proses aktif minda yang akan mengaktifkan sel-sel dalam otak untuk berfikir.

Sehubungan itu, kepada mereka yang suka membaca dan menimba ilmu pengetahuan, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2012 merupakan medan yang sesuai untuk melakukannya.

Pesta buku yang dianjurkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk kali ke-31 itu terus mendapat sambutan yang menggalakkan. Dianggarkan hampir dua juta orang mengunjungi pesta yang berlangsung selama 10 hari itu pada penghujung April lalu.

### **Harga berpatutan**

Tinjauan mendapati, pengunjung PBAKL yang terdiri daripada individu dan rombongan pelajar sekolah dari seluruh negara memanjangi PBAKL seawal pukul 9 pagi.

Meskipun keadaan cuaca yang tidak menentu dan jalan raya yang sesak, ia tidak menghalang semangat pengunjung untuk mendapatkan bahan bacaan yang diminati.

Seorang pengunjung, Muhammad Saiful Bahtiar, 33, berkata, pesta buku itu memberi peluang kepadanya mencari bahan-bahan bacaan yang diminati.

“Gerai-gerai buku di sini bukan sahaja menawarkan harga yang berpatutan, malah mereka juga memberikan potongan harga yang istimewa.

“Tidak rugi jika setiap peminat buku mengambil kesempatan mengunjungi pesta buku ini,” katanya ketika ditemui.

Seorang guru dari sebuah sekolah di Kuala Lumpur, Helman Samsudin, 39, menjelaskan, sebahagian besar sekolah



di negara ini melakukan lawatan ke pesta buku yang dianjurkan.

“Sebenarnya lawatan ke pesta buku adalah program wajib bagi sesetengah sekolah dan menjadi program tahunan mereka untuk berkunjung ke PBAKL.

“Tujuan utama lawatan adalah untuk memberi pendedahan berterusan tentang kepentingan membaca buku kepada murid,” katanya.

**PROF. Dr. Muhaya** antara pakar motivasi terkemuka yang memeriahkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012 di PWTC baru-baru ini.

IMAN



SEKUMPULAN kanak-kanak sekolah tidak melepaskan peluang melawat pesta buku tahun ini dan berpeluang mencari buku kegemaran mereka.

KOSMO 14/5/12 MS 32/33

# Pesta buku dibanjiri ulat buku

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012 bukan saja menjadi medan untuk menggalakkan orang ramai membaca bahkan mendekatkan pembaca dengan penulis, tokoh-tokoh terkemuka dan pelbagai aktiviti interaktif.

Seorang pekerja swasta, Khalidah Omar, 25, pula berharap pesta seumpamanya dianjurkan lebih kerap dalam setahun bagi memberi peluang kepada ramai orang untuk menyertainya.

Meskipun dianjurkan selama 10 hari, namun dia tidak berpeluang mengikuti acara-acara menarik yang dianjurkan sepanjang pesta tersebut berlangsung kerana terikat dengan jadual kerja yang ketat.

“Saya rasa tempoh tersebut masih singkat. Seboleh-bolehnya panjangkanlah sehingga dua minggu kerana saya sendiri terlepas peluang bertemu dengan pakar motivasi terkenal seperti Prof. Dr. Muhaya Muhamad dan beberapa penulis-penulis tersohor,” kata wanita yang membelanjakan sekitar RM300 untuk sekali kunjungan ke pesta buku.

## Singkap sejarah

Semlaha itu, Pengarah Projek PBAKL, Ahmad Fadli Abd. Aziz berkata, kunjungan orang ramai yang berterusan ke pesta buku tersebut menunjukkan minat membaca rakyat negara ini juga kian meningkat.

“Sambutan pengunjung amat menggalakkan sejak pesta ini berlangsung apatah lagi pesta ini juga jatuh pada cuti umum sambutan Hari Pekerja.

“Pada tahun lepas, kita mendapat penyertaan sebanyak 1.7 juta pengunjung dan tahun ini kita sasarkan lebih 2 juta pengunjung akan

menjari pesta kali ini,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Kata Ahmad, sebanyak 750 buah gerai disediakan dan sebanyak 251 buah syarikat penerbitan dari dalam dan luar negara turut serta dalam pesta kali ini.

PBAKL kali ini masih mengekalkan tema yang sama iaitu *Buku: Dunia Tanpa Sempadan* kerana Majlis Buku Kebangsaan Malaysia mahu membudayakan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda bagi melahirkan modal insan berilmu.

“Penganjuran kali ini menampilkan beberapa kelainan seperti mengadakan pameran Galeri Dunia Penerbitan yang menyediakan maklumat mengenai kerjaya dan penerbitan.

“Selain itu, PBAKL juga mengadakan pameran Showcase Buku Antikuiti dan Warisan yang menyingkap kembali sejarah mengenai penerbitan negara dengan lebih dekat,” katanya.

PBAKL 2012 diadakan dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Mabopa), Perbadanan Kota Buku, Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA), Persatuan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). - **BASIR ABU BAKAR**



**PENIAGA** di pesta buku berpeluang mempromosi buku-buku terbitan mereka dengan lebih dekat kepada pengguna.

**BEBERAPA** sesi seminar ilmu turut diadakan untuk santapan pengguna yang berkunjung ke pesta buku di PWTC.





# PAMERAN KESULTANAN PERAK

BERMULA / BEGINS 26.04 2012

GALERI PETRONAS

Level 3, Suria KLCC,  
116, Kuala Lumpur, Malaysia

Time: 10 AM - 6 PM  
Daily

Time: 10 AM - 6 PM  
Daily

03-2091 7770  
www.petronas.com.my

## Pameran Kesultanan Perak

BERSEMPENA Ulang Tahun Keputusan Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah yang ke-84, satu pameran bertajuk *Pameran Kesultanan Perak* telah berlangsung sejak 26 April lalu.

Pameran yang akan berakhir pada 24 Jun itu diadakan di Galeri Petronas, Aras 3, Suria KLCC, Kuala Lumpur.

Pameran di bawah naungan Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah merupakan usaha sama antara Kerajaan Negeri Perak dan Galeri Petronas. Masuk adalah percuma.

## Cabaran Wanko Soba

PIHAK pengurusan Publika menjemput orang ramai untuk menghadiri cabaran menikmati Wanko Soba di Galeri Beli-belah Publika, di Solaris Dutamas, Jalan Duta, Kuala Lumpur pada 20 Mei ini.

Cabaran Menikmati Wanko Soba akan bermula pada pukul 1 petang.

Pemenang setiap kategori akan menerima hadiah-hadiah menarik. Semua dana yang diperoleh daripada yuran pendaftaran akan disalurkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah bagi membantu mangsa bencana Jepun Tohoku akibat tragedi Fukushima.

Maklumat lanjut sila lawati laman web, [www.publika.com.my](http://www.publika.com.my) atau [www.facebook.com/PublikaShoppingGallery](http://www.facebook.com/PublikaShoppingGallery).





## Festival Aiskrim Malaysia

MASIH ingatkah anda tentang ketulan berperisa yang dibungkus di dalam tiub plastik yang menjadi kegemaran rakyat negara ini terutama kanak-kanak suatu ketika dahulu? Ya, itulah aiskrim Malaysia.

Bagi mengimbau kembali nostalgia tersebut, Colgate akan mengadakan Festival Aiskrim Malaysia di 1 Utama Shopping Centre, Bandar Utama, Petaling Jaya dari 16 hingga 20 Mei ini.

Pengunjung boleh mengundi lima perasa kegemaran mereka iaitu jagung, sirap bandung, oren, kacang merah dan asam boi.

Selain itu, orang ramai juga berpeluang memenangi bekalan ubat gigi Colgate Sensitif Pro-Relief selama setahun beserta berus gigi dengan hanya menyertai pertandingan Instant Relief Challenge yang dianjurkan sepanjang festival itu.